



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**


**18 NOVEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 541 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 227,487 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Pitas. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 533 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 216,588 orang. Manakala 1,684 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 672 orang di hospital, 997 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 69 orang di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 65 (31.55%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 22 daerah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu bagi Sabah susut 58 kes kepada 541 kes hari ini. Ini terbit daripada penurunan kes baharu di beberapa daerah seperti Tuaran (-39) kes, Kota Belud (-24) kes dan Keningau (-14) kes. Walau bagaimanapun, kes-kes baharu bertambah agak tinggi di Penampang (+25) kes dan Tenom (+33) kes.
- b. Satu kluster baharu di isytiharkan di Kg Kemburongoh, Ranau. Ia melibatkan pelajar-pelajar yang tinggal di asrama SMK Kemburongoh serta warden asrama dan keluarga beliau. Setakat ini 22 orang disahkan positif. Indeks kes ialah seorang pelajar yang tinggal di asrama.
- c. Kes baharu yang berpunca daripada Saringan Bergejala amat tinggi, yakni 41.4% daripada jumlah kes keseluruhan . Di Kota Kinabalu, 43 daripada 93 kes hari ini adalah kes-kes yang diperolehi melalui Saringan Bergejala; 24 daripada 56 kes di Tuaran dan 15 daripada 28 kes di Kota Belud. Kes-kes dalam kategori ini juga dikenali sebagai kes-kes sporadik kerana tidak diketahui dimana jangkitan berlaku dan daripada siapa. Yang pasti ia banyak berkait rapat dengan kegagalan mematuhi SOP.
- d. Sekalian penduduk diperingatkan sekali lagi agar mematuhi semua SOP walaupun sudah memperolehi vaksin lengkap. Sepertimana yang telah dinyatakan berulangkali, vaksin lengkap tidak menjadikan kita kebal daripada jangkitan. Vaksin cuma menyelamatkan kita daripada kesan serius jangkitan COVID-19 yang boleh membawa kepada kematian.
- e. Keberkesanan vaksin dapat dibuktikan melalui statistik harian pesakit-pesakit jangkitan COVID-19. Setiap hari secara purata 98% pesakit COVID-19 hanya mengalami gejala ringan atau tidak bergejala. Mereka tidak memerlukan rawatan di hospital. Hari ini cuma seorang pesakit dalam Kategori 3, dua (2) orang dalam Kategori 4 dan tiga (3) orang dalam Kategori 5.

f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (266) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	4	0.74%
2	Bergejala	224	41.40%
3	Kontak	266	49.17%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	47	8.68%
<b>JUMLAH</b>		<b>541</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (17 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 17/11/2021	Catatan Kes 18/11/2021	Perbandingan
1	Tenom	12	45	+33
2	Penampang	35	60	+25
3	Tawau	2	11	+9
4	Kota Marudu	28	33	+5
5	Nabawan	2	7	+5
6	Semporna	0	3	+3
7	Beaufort	31	32	+1
8	Papar	29	29	Mendatar
9	Kinabatangan	13	13	Mendatar
10	Pitas	7	7	Mendatar
11	Tongod	0	0	Mendatar
12	Tuaran	95	56	-39
13	Kota Belud	53	29	-24
14	Keningau	25	11	-14
15	Beluran	19	6	-13
16	Kota Kinabalu	101	93	-8
17	Lahad Datu	10	2	-8
18	Sandakan	21	14	-7
19	Kudat	17	12	-5
20	Tambunan	15	11	-4
21	Telupid	4	0	-4
22	Sipitang	12	9	-3
23	Kuala Penyu	6	3	-3
24	Ranau	40	38	-2
25	Kunak	3	1	-2
26	Kalabakan	2	0	-2
27	Putatan	17	16	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>599</b>	<b>541</b>	<b>-58</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (04 November – 17 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	32	43	0	18	93	956
Penampang	0	35	22	0	3	60	424
Tuaran	0	30	24	0	2	56	732
Tenom	0	30	15	0	0	45	342
Ranau	4	19	12	0	3	38	567
Kota Marudu	0	16	15	0	2	33	463
Beaufort	0	8	21	0	3	32	473
Kota Belud	0	13	15	0	1	29	608
Papar	0	17	12	0	0	29	327
Putatan	0	7	7	0	2	16	199
Sandakan	0	4	8	0	2	14	172
Kinabatangan	0	10	3	0	0	13	160
Kudat	0	5	5	0	2	12	213
Keningau	0	3	7	0	1	11	258
Tambunan	0	8	2	0	1	11	262
Tawau	0	7	1	0	3	11	180
Sipitang	0	7	2	0	0	9	138
Pitas	0	6	1	0	0	7	141
Nabawan	0	2	2	0	3	7	28
Beluran	0	4	2	0	0	6	121
Kuala Penyu	0	1	2	0	0	3	86
Semporna	0	0	2	0	1	3	16
Lahad Datu	0	2	0	0	0	2	130
Kunak	0	0	1	0	0	1	19
Telupid	0	0	0	0	0	0	80
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	9
Tongod	0	0	0	0	0	0	38
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>266</b>	<b>224</b>	<b>0</b>	<b>47</b>	<b>541</b>	<b>7,142</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Kemburongoh	4
	<b>Jumlah</b>	<b>4</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Kemburongoh - Ranau merupakan kluster jenis institusi pendidikan. Kes indeks adalah pelajar lelaki, 17, di SMK Kemburongoh, Ranau yang dikesan positif COVID-19 melalui ujian saliva pada 08 November 2021, selepas bergejala sejak 06 November 2021. Kes indeks kemudianya menjalankan ujian ulangan RT PCR pada 09 November 2021 dan didapati positif. Saringan lanjut dijalankan kepada kontak rapat indeks kes dan berjaya mengesan 21 kes lain terdiri daripada rakan sekelas dan sebilik, warden asrama serta keluarga kepada warden asrama. Jumlah kumulatif setakat hari ini adalah 22 kes termasuk empat (4) kes baharu.

7 Jumlah kapasiti katil 5,817 unit

- Hospital 1,773 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,554 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 28.95%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 18 NOVEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	525
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	7
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
<b>Jumlah</b>	<b>541</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
United Kingdom	1
Singapura	1
Suriname	1
Australia	1
Filipina	2
Jerman	1
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
Selangor	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	528
Bukan Malaysia	13
<b>Jumlah</b>	<b>541</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	91
Belum Menerima Vaksin	66
Menerima 1 Dos	4
Lengkap 2 Dos	380
<b>Jumlah</b>	<b>541</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	37
6 to 11	52
12 to 17	26
18 to 25	60
26 to 59	306
>60	58
<b>Jumlah</b>	<b>541</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 17 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 5,947 orang. Daripada jumlah ini, seramai 5,189 orang adalah penduduk dewasa dan 758 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 17 November 2021 adalah seramai 2,435,979 orang. Ini meliputi 2,103,419 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.26% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,380,028 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,077,230 orang atau 75.31% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,560 orang atau 76.63% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 302,798 atau 69.77% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **676,736** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,791 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 45 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 15 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Dua (2) Orang : Tidak Mematuhi rahan Kawalan Pergerakan
  - Enam (6) Orang : Aktiviti Menyukarkan Penjarakan Fizikal
  - Tujuh (7) Orang : Premis Beroperasi Lebih Masa Tanpa Kebenaran

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 150 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,089 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak lima (5) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama/nombor telefon dalam buku pendaftaran. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 233 premis perniagaan dan 217 individu di 18 kawasan. Lima (5) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di University Utama Condo (1 Orang), De Mangga Fresh Fruit, UUC Telipok (2 Orang), Zara Trading, UUC Telipok (1 Orang), Restoran Al Zafran, UUC Telipok (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 336 Premis Perniagaan melibatkan 200 anggota APM. Sebanyak sembilan (9) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 82 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 97 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4 %** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98.6%
2	Sipitang	98.6%
3	Tenom	98.6%
4	Beaufort	98.5%
5	Tawau	98.5%
6	Papar	98.5%
7	Keningau	98.4%
8	Kinabatangan	98.4%
9	Beluran	98.3%
10	Sandakan	98.2%
11	Penampang	98.2%
12	Kota Kinabalu	98%
13	Lahad Datu	98%
14	Kudat	98%
15	Kunak	98%
16	Kota Marudu	98%
17	Ranau	97.8%
18	Kota Belud	97.8%
19	Tuaran	97.6%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**